

Politik stabil, dasar jelas faktor kejayaan Kerajaan Madani

Oleh FITRI NIZAM
dan NAZIM SYAZWI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kemakmuran dan kejayaan dikecapi Kerajaan Madani sepanjang dua tahun pentadbirannya disumbangkan oleh kestabilan politik, komitmen sektor awam dan swasta serta dasar negara yang jelas hingga memberi keyakinan kepada pelabur asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu terbukti apabila rakyat daripada pelbagai latar belakang menunjukkan kesediaan untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam meletakkan Malaysia di persada dunia.

"Satu kenyataan yang harus diingat (kejayaan) dimungkinkan kerana sistem politik yang stabil. Kestabilan itu berkat kerjasama pimpinan negara.

"Banyak anjakan dilakukan dan keberkesanan pelaksanaan dasar ini adalah kerana komitmen dan iltizam barisan penjawat awam yang menunjukkan kesediaan mereka melakukan reformasi dan perubahan. Pelaksanaan (program) jauh lebih cekap sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi *Town Hall* sempena program Dua Tahun Kerajaan Madani (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri I, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Anwar turut memuji komitmen sektor swasta yang memainkan peranan penting dalam membantu melonjak nama negara di seantero dunia.

"Swasta memainkan peranan dalam negara yang san-



ANWAR Ibrahim (dua dari kiri) dalam Sesi *Town Hall* sempena program Dua Tahun Kerajaan Madani (2TM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam. - MINGGUAN/FARIZ RUSADIO

gat kritikal dalam menjayakan (agenda negara). Kemahiran dan kepakaran adalah bidang mereka, kita (kerajaan) hanya menjadi penjana dan pemangkin untuk mempercepat proses," ujarnya.

Pada masa sama, Perdana Menteri memberi komitmen bahawa Kerajaan Madani akan terus menekankan ketelusan dan tekad politik yang kuat dalam memastikan pentadbiran bersih serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, kerajaan memilih untuk tidak melayan kerenah picians yang mengkritik pentadbirannya sedangkan banyak negara luar mengiktiraf kejayaan Malaysia.

"Kita jangan berselindung, kita perlu memberi kenyataan dan saya lihat ini antara kesungguhan Kerajaan Madani untuk membersihkan nama negara.

"Kita mahu menamatkan amalan rasuah dan menggunakan ketegasan kepimpinan termasuk memastikan setiap dana mendapat kelulusan perolehan

melalui prosedur telus. Ini bukan mudah dilakukan dan memerlukan tekad politik yang kuat," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Madani perlu diberikan ruang untuk mengangkat martabat Malaysia supaya ia dikenali sebagai sebuah negara yang gagah dan hebat di seantero dunia.

Beliau melahirkan keyakinan dengan kepimpinan sedia ada, kemampuan penjawat awam dan badan penguatkuasaan bagi membolehkan negara mencapai hasrat itu dan membersihkan amalan rasuah yang disifatkan sistemik sebelum ini.

"Sebab itu pemahaman itu perlu, dengar, teliti, jangan memainkan isu-isu yang mungkin merosakkan. Sebab itu saya puji tindakan badan penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), tak boleh amalan (yang merugikan negara), membolot kekayaan negara," katanya.

Sementara itu, Anwar memberitahu, jumlah royalti yang diagihkan kepada Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu jauh lebih tinggi daripada diberikan oleh kerajaan sebelum ini.

Bahkan, beliau berkata, jumlah terkumpul yang diberikan kepada keempat-empat negeri di bawah pentadbiran pembangkang itu jauh lebih tinggi daripada jumlah diambil oleh kerajaan Pusat.

"Ini soal royalti, tetapi saya bagi angka. Untuk Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, jauh lebih tinggi dari tahun-tahun sebelumnya dan kalau dikumpulkan, lebih tinggi daripada jumlah royalti kita (Kerajaan Persekutuan) ambil.

"Tetapi fakta itu kadang-kadang tak sampai di bawah sebab ini soal politiklah," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, di bawah pentadbirannya, beliau tidak pilih kasih dalam memberikan bantuan termasuk soal kemiskinan, pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan kerosakan.